




Sepuluh Tahun

A  **AB** *2016*

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

Hotel Marina Mandarin • 12 November 2016



Sepuluh Tahun

AGAB 2016

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

Hotel Marina Mandarin • 12 November 2016

Anjuran Bersama



Berita Harian



Atur Cara

1115	Pendaftaran
1230	Ketibaan Tetamu Terhormat
	Persembahan Taridra oleh Sekolah Menengah Bedok Green
	Ucapan Pengerusi Bersama AGAB 2016 Encik Zafilin Abdul Hamid
	Ucapan Tetamu Terhormat Encik Lee Hsien Loong Perdana Menteri
	Video Perjalanan Sepuluh Tahun AGAB
	Penyampaian Trofi kepada Finalis
	Pembacaan Watakah
	Penyampaian Anugerah kepada Penerima AGAB 2016
	Jamuan
	Persembahan Nyanyian oleh Sekolah Rendah West View
	Segmen Penghormatan untuk Allahyarham Dr. Muhammad Ariff Ahmad
1500	Majlis Berakhir

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2016

Anugerah Guru Arif Budiman 2016 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2016 terdiri daripada:

Penasihat	Dr Intan Azura Mokhtar Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio Ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)
Pengerusi Bersama	Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM) Encik Mohd Saat Abdul Rahman (BH) Encik Zafilin Abdul Hamid (MLLPC)
Timbalan Pengerusi	Encik Tajudin Jaffar (MBMS)
Sekretariat MBMS	Cik Siti Aisyah Noor Mohd Puan Rita Goh Puan Trudy Loh
PGBM	Encik Esfan Rizal Rahwom Encik Abdul Khalik Saidin Puan Wan Wardah Mohamed Wooljdy
BH	Cik Nurul' Ain Razali
Sekretariat MLLPC	Cik Siti Fazila Ahmad Cik Nur Fa'izah Matnoor Encik Muhammad Firdaus Rahmat Encik Nasrudin Raja Sulaiman Puan Rabi'ah Rahmat



Berita Harian



Sekapur Sirih



Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim

Setiausaha Parlimen (Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga) Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), dan Pengerusi Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)


Majlis Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2016 dianjurkan untuk mengiktiraf guru-guru Bahasa Melayu yang cemerlang. Tahniah saya ucapkan kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Berita Harian (BH), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) atas usaha gigih menjayakan Majlis AGAB ini. Usaha sama ini meningkatkan martabat guru Bahasa Melayu dan pastinya mencerminkan semangat Arif Budiman.

Sejak dianjurkan sepuluh tahun yang lalu, seramai 40 orang guru Bahasa Melayu telah menerima anugerah ini. Tahun ini, lima orang guru lagi akan menerima anugerah yang berprestij ini. Tahniah saya ucapkan kepada para penerima dan finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2016.

Kewibawaan mereka wajar dijadikan contoh. Semoga kejayaan mereka ini menjadi pembakar semangat setiap guru. Sama-samalah kita meningkatkan prestasi dan melipatgandakan usaha demi masa depan anak didik kita. Mudah-mudahan kecemerlangan setiap guru Arif Budiman bakal mendatangkan kesan pengganda kepada guru-guru Bahasa Melayu yang lain.

Majlis anugerah ini disulami dengan semangat, penghargaan serta harapan kita semua terhadap guru-guru Bahasa Melayu di Singapura. Sememangnya, tugas seorang pendidik itu amat mulia. Mungkin, ramai orang boleh mengajar. Namun, tidak semua orang yang mengajar boleh menjadi seorang pendidik, apatah lagi menjadi seorang pendidik yang berjaya. Sebagai pendidik, tanggungjawab yang digalas itu amat berat. Dalam lembut tutur bicara dan tegasnya tunjuk ajar guru itu, terbentuklah sahsiah anak-anak.

Semoga penganugerahan ini terus memarakkan semangat para guru untuk merealisasikan visi Arif Budiman iaitu, insan berilmu pengetahuan yang menyumbang bakti kepada masyarakat.



*Terbang Si Jentayu tinggi di awan,
Mengigal di rimba si burung merak;
Jauharinya Guru Arif Budiman,
Negara berilmu cemerlang memarak.*

Sirih Pinang



Dr Intan Azura Mokhtar

Anggota Parlimen GRC Ang Mo Kio
Ahli Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS)
Penasihat AGAB 2016


Ketika komputer dan robot muncul dalam kehidupan manusia lewat kurun lalu, antara komen atau gurauan yang kita dengar adalah sama ada suatu hari nanti, robot dan komputer akan menggantikan peranan guru dalam bilik darjah.

Kini, komputer dan Internet digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menyokong pedagogi guru. Namun, kehadiran dan sentuhan guru masih kritikal dalam proses pembelajaran pelajar. Sentuhan psikologi guru tidak dapat digantikan komputer dan robot. Gurulah yang membuat pengalaman pelajar melalui alam persekolahan amat bermakna dan mengesankan, terutama dari segi penghayatan nilai dan tatatsusila. Justeru, peranan guru sebagai penyuluh ilmu akan terus kekal dalam proses pembangunan pelajar.

Untuk meraikan sumbangan para guru dan peranan mereka membentuk generasi masa depan, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) bergabung untuk memberikan Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) kepada guru-guru Bahasa Melayu yang cemerlang menjalankan tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi.

Tahun ini merupakan tahun ke-10 AGAB dianjurkan dan lebih daripada 40 orang guru telah menerima anugerah AGAB sejauh ini. Bertambahnya para penerima anugerah ini, bertambahlah guru-guru Bahasa Melayu yang boleh menjadi suri teladan kepada guru-guru Bahasa Melayu yang lain. Para penerima AGAB yang lalu telah bergabung untuk menjalankan bengkel-bengkel dan pembentangan kertas kerja. Mereka terus menyumbang dan meningkatkan kerjaya mereka sebagai pendidik.

Kita berharap agar para penerima anugerah AGAB dan guru-guru Bahasa Melayu yang lain akan menjadi pelapis kepada para guru yang meninggalkan kesan dalam pembangunan bahasa Melayu negara kita seperti Almarhum Cikgu Muhammad Ariff Ahmad, Almarhum Cikgu Mohd Naim Daipi, Almarhum Cikgu Aliman Hassan dan banyak lagi guru-guru yang lain, insya-Allah.



*Daun selasih tiga di bucu,
Daun nangka menguning merata;
Terima kasih kepada guru,
Tiada mereka siapalah kita.*

Kepada para penerima AGAB 2016, tahniah saya ucapkan dan teruslah cemerlang dalam membangunkan bahasa dan budaya negara kita.

Sirih Selembar



Encik Wan Imran Mohamed Woojdy

Presiden
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

Diam tak diam, sudah masuk tahun kesepuluh penganugerahan Guru Arif Budiman. Sepuluh tahun ialah masa yang baik untuk mengimbas kembali kesan dan pesan sesebuah anugerah. Sudah pasti, dalam jangka waktu itu, kita telah berhadapan dengan pelbagai kemajuan dan cabaran yang telah mengubah dan membentuk jati diri kita sebagai insan yang hidup bermasyarakat. Ia turut mengubah pandangan dan nilai kita terhadap manusia dan alam di sekeliling kita. Namun, masih ada nilai-nilai yang disepakati dan yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Nilai-nilai ini menjadi semakin matang dan utuh; berubah menjadi akar kukuh. Akar kita.

Justeru, apakah yang menjadi akar kukuh kepada semua penerima Anugerah Guru Arif Budiman sejak 2007? Apakah yang membentuk dan mempengaruhi perkembangan para Guru Arif Budiman? Saya yakin nilai-nilai ini amat berkait rapat dengan istilah Arif dan Budiman. Teringat saya akan ujaran dan pesanan seorang Guru Arif Budiman yang banyak berbakti, Allahyarham Cikgu Mohamed Naim Daipi. Beliau sering menyebut "...mengarifkan yang budiman dan membudimankan yang arif." Mungkin inilah cogan kata yang terbaik untuk setiap guru.

Akhir kata, tahniah kepada semua guru yang telah dicalonkan untuk AGAB 2016, khususnya kepada para penerima AGAB tahun ini. Semoga jasa, usaha dan sumbangan mereka menjadi contoh dan warisan semua guru. Syabas dan semoga terus berjuang menegakkan nilai dan memperkasa ilmu; mengarifkan yang budiman dan membudimankan yang arif.

*Anak sembilang di tapak tangan,
Pohon gaharu tumbuh di taman;
Andai terbilang dilupa jangan,
Amanah guru arif budiman.*



Sirih Setepak



Encik Abdul Harris Sumardi

Naib Presiden
Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

Encik Mohd Saat Abdul Rahman

Editor
Berita Harian (BH)



Encik Zafilin Abdul Hamid

Anggota
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2016 yang diberikan kepada guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah-sekolah arus utama kini sudah berusia sedekad. Pengiktirafan sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang memasuki tahun kesepuluh sudah mengiktiraf 40 orang guru sekolah rendah, menengah dan prauniversiti.

Setiap tahun, guru-guru yang dicalonkan hebat-hebat belaka. Memang sukar untuk memilih penerima AGAB bagi setiap kategori. Senarai pencapaian dan pelibatan guru-guru dalam kegiatan bahasa dan budaya Melayu memang wajar dipuji. Besar hati kami diberi kepercayaan sekali lagi mempengerusikan jawatankuasa penganjur AGAB pada tahun ini dan berpeluang mengenali calon-calon dan penerima-penerima yang memang serba berbakat dan berkebolehan menghadapi pelbagai cabaran arus masa.

Setinggi-tinggi tahniah buat kelima-lima penerima AGAB tahun ini. Mereka telah melalui saringan yang melibatkan sesi pengajaran mikro, penulisan esei dan akhirnya sesi temu duga bersama karyawan bahasa Melayu; bak kata pepatah jauhari juga yang mengenal manikam. Kami pasti mereka mampu menjadi teladan yang arif lagi budiman kepada guru-guru seperjuangan, anak-anak didik serta masyarakat. Semoga penerima-penerima tahun ini akan terus memperkasa bahasa Melayu di mata dunia.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota jawatankuasa penganjur AGAB 2016. Sepanjang tahun ini, mereka telah bermandi keringat menjayakan Anugerah Guru Arif Budiman 2016. Semoga kekal semangat perjuangan guru-guru untuk tahun-tahun seterusnya.



***Padi perak berdaun suasa,
Buahnya mengurai emas merah;
Sudah berbudi lagi berbahasa,
Itulah tanda bestari bertuah.***



Peranan guru dalam usaha untuk membentuk generasi berilmu pengetahuan dan berbudi pekerti tinggi amat penting sekali. Guru menjadi pemimpin bagi generasi masa depan – generasi yang akan menjadi tunjang negara dan bangsa. Guru bak cetak yang diteladani dan acuan yang merealisasikan impian anak didik dalam masa mengharungi gelombang kehidupan realiti semasa.

Namun, cetak dan acuan bukanlah batasan minda dan usaha untuk terus cemerlang dan berjaya. Anak didik dirangsang untuk terbang tinggi di angkasa mengembangkan potensi ke seantero dunia.

Inilah idea yang ingin disampaikan melalui trofi yang dihasilkan untuk Anugerah Guru Arif Budiman 2016. Trofi ini direka khas dengan bentuk padi yang diterapkan dan disampaikan sebagai satu acuan atau *mould*. Tekstur luaran pada trofi bertujuan untuk menonjolkan liku-liku dalam perjalanan seharian pelajar. Warna keemasan padi pula merupakan simbol keberhasilan usaha gigih guru membimbing individu-individu yang berjaya; seumpama padi yang menguning dan berisi.

Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Teladan



Cikgu Rashidah Abdullah
Sekolah Menengah Marsiling

Cikgu Norafizah Shariff
Sekolah Menengah Unity




Cikgu Azah Abdul Aziz
Sekolah Rendah East Spring

Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Perangsang

Cikgu Siti Zainab Zainal
Sekolah Menengah Yusof Ishak



Cikgu Azhar Abdul Rashid
Sekolah Rendah East Coast



Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Teladan
Sekolah Menengah



Cikgu Rashidah Abdullah
Sekolah Menengah Marsiling

Pengalaman mengajar

Kerjaya Cikgu Rashidah Abdullah sebagai guru Bahasa Melayu dan Muzik bermula pada tahun 1990 di Sekolah Rendah Lianhua. Pengalaman di sekolah rendah memberi beliau peluang mengajar para pelajar pelbagai keupayaan akademik. Pengalaman yang berharga itu telah menjadikan dirinya lebih peka dan cekap untuk mengenal pasti serta membuat pengubahsuaian terhadap pengajaran dan pembelajaran supaya menarik minat dan menepati keperluan para pelajarnya yang rencam. Demi mendalami ilmu kebahasaan dan kebudayaan agar berupaya menjadi pendidik yang lebih berpengetahuan dan berketerampilan, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya pada tahun 1998.

Cikgu Rashidah mula mengajar di Sekolah Menengah Marsiling pada tahun 2001 dan menyandang jawatan sebagai Ketua Subjek Bahasa Melayu pada tahun 2003. Kebimbangan awal bahawa beliau tidak dapat menyesuaikan diri di sekolah menengah ternyata tidak berasas. Pengalaman mengajar di sekolah rendah telah memperkaya, menambah nilai serta menjadikan Cikgu Rashidah lebih yakin kerana beliau berupaya meneliti dan melihat wujudnya kesinambungan antara sukatan sekolah rendah dengan sekolah menengah pada waktu itu. Berbekalkan azam untuk belajar sepanjang hayat bagi sentiasa mempertingkatkan kemahiran diri, Cikgu Rashidah mengikuti kursus sarjana di NUS. Dalam kesibukan mengimbangi tuntutan tugas dan kursus possiswazah separuh masa, beliau telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Bahasa Ibunda pada 2010.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Antara cabaran yang dihadapi oleh Cikgu Rashidah adalah untuk memastikan dirinya kekal relevan dalam dunia global yang dinamik dan terus berdaya saing dalam menghadapi tuntutan kerjaya abad ke-21. Proses globalisasi serta perkembangan teknologi yang pesat ibarat pemangkin perubahan terhadap ranah penggunaan bahasa Melayu yang membawa kesan terhadap penerimaan serta penghayatannya di sekolah dan masyarakat Melayu Singapura.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Antara kenangan manis Cikgu Rashidah adalah pada tahun 1997, para pelajar beliau berjaya menyampaikan teks 'Leftenan Adnan' dengan sungguh berkesan lalu menjadi juara Pertandingan Bacaan Kreatif peringkat nasional yang mendapat liputan muka depan akhbar Berita Harian. Pada 2002, beliau yang tiada pengalaman menulis skrip drama, telah mengarah serta menggunakan ICT sebagai latar dalam sebuah pertandingan drama yang muncul sebagai juara dalam persembahan drama kreatif 'Mahsuri'. Cikgu Rashidah juga terharu dan bersyukur kerana beliau dijadikan sumber inspirasi kepada beberapa orang bekas pelajarnya yang memilih bidang perguruan kerana mahu mengikut jejak langkah mantan guru mereka berbakti kepada masyarakat.

Harapan sebagai seorang guru

Cikgu Rashidah berdoa agar beliau dianugerahi kesihatan dan tenaga untuk terus mengajar dengan kreatif, berkesan dan penuh dedikasi. Beliau berharap agar terus dapat membentuk pemikiran dan sahsiah anak didiknya dengan menyisipkan nilai-nilai kesantunan dalam diri agar mereka menjadi insan yang berbudi, berguna dan bertanggungjawab. Beliau berharap persefahaman, kepercayaan serta semangat saling membantu akan berkekalan dan menjadi teras agar setiap guru akan terus proaktif dalam menyempurnakan amanah mendidik dengan penuh dedikasi, prihatin, dan inovatif. Cikgu Rashidah ingin terus menjadi suri teladan dan pemangkin semangat guru-gurunya yang melihat suatu cabaran itu sebagai peluang demi membentuk generasi penutur bahasa Melayu yang berupaya bertutur dengan berkesan, berhemah dan mempamerkan jati diri masyarakat Melayu Singapura.



Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Teladan
Sekolah Menengah



Cikgu Norafizah Shariff
Sekolah Menengah Unity

Pengalaman mengajar

Kerjaya Cikgu Norafizah sebagai seorang guru selama 21 tahun bermula di Sekolah Rendah Bedok View. Cikgu Norafizah belajar daripada guru-guru berpengalaman dan bersemangat waja membimbing anak didiknya. Semasa bertugas di Sekolah Rendah Qihua pula, Cikgu Norafizah telah diberikan kepercayaan memimpin Unit Bahasa Melayu sebagai seorang Ketua Subjek. Beliau mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda di Universiti Malaya. Cikgu Norafizah kagum dengan keluasan khazanah Melayu dan bertekad untuk mendalami bidang bahasa Melayu dan sosio budaya Melayu sebagai bekalan mendidik di Singapura.

Cikgu Norafizah mula mengajar di Sekolah Menengah Unity pada tahun 2005. Beliau ditugaskan memegang jawatan Ketua Peringkat Menengah Atas pada tahun 2014. Tugas ini disandang dengan penuh keikhlasan dan kesedaran bahawa setiap pelajar mempunyai potensi besar. Setiap program yang dilakar bersama-sama jabatan lain dirancang dengan mendalam lagi teliti agar matlamat pengajaran dan program sekolah dapat diselaraskan untuk memastikan kesejahteraan pelajar dan perkembangan holistik dari segi kognitif, fizikal, estetika dan sosial serta moral dapat diteruskan.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Cabaran yang amat ketara ialah perubahan lanskap pendidikan yang semakin hari semakin padat dan rencam. Perubahan ini tidak dapat dielakkan kerana guru perlu sentiasa bersiap sedia membuat penyesuaian. Guru perlu bersemangat dan bergerak mengikut alur perjalanan yang sentiasa berubah-ubah agar kita sentiasa relevan. Cikgu Norafizah mendapati pelajar-pelajar berasa kekok dan malu menggunakan bahasa Melayu di dalam kelas dan kurang pendedahan terhadap budaya Melayu. Rasa bangga terhadap bahasa dan budaya Melayu kurang diberikan perhatian. Pengajaran bahasa perlu menerapkan nilai dan budaya agar pelajar teruja untuk mendalami bahasa dan budaya Melayu. Pelbagai aktiviti dilakarkan dan diselitkan dengan budaya Melayu seperti tema “Beras dalam masyarakat Melayu”.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Antara kenangan manis Cikgu Norafizah ialah kejayaan bekas pelajar-pelajar beliau diterima masuk ke Institut Pendidikan Nasional (NIE) dan bakal menjadi guru Bahasa Melayu. Beliau gembira dan berbangga dengan setiap pencapaian mereka yang ingin terus menerajui kerjaya sebagai seorang guru yang arif lagi budiman. Cikgu Norafizah juga pernah mendidik seorang pelajar yang mempunyai mutisme berpilih. Pada awalnya dia tidak dapat langsung berbicara dan membaca teks. Namun, setelah mengikuti beberapa sesi khas, dia telah dapat mengutarakan beberapa pendapat peribadinya dalam perbualan yang akhirnya berjaya mendapat gred Merit bagi bahagian Lisan dalam Peperiksaan GCE Peringkat ‘O’. Setiap kejayaan yang dicapai memberikan semangat kepada Cikgu Norafizah untuk terus berkhidmat sebagai seorang guru.

Harapan sebagai seorang guru

Seorang guru perlu memberi didikan yang meliputi semua aspek keperluan jasmani, sosial dan emosi. Melalui cara ini, mudah bagi guru untuk mendekati anak didiknya dan mehamani keperluan, keupayaan dan minatnya. Mereka memerlukan pendamping untuk melayari kehidupan yang penuh cabaran. Guru perlu terus memberi perangsang kerana setiap pelajar itu mempunyai potensi yang perlu digilap agar menjadi lebih menyerlah. Harapan Cikgu Norafizah adalah untuk melihat mereka berjaya dalam bidang masing-masing dan terus melestarikan bahasa dan budaya sebagai anak watan Melayu yang memegang penuh kepada prinsip sebagai seorang yang arif budiman. Cikgu Norafizah berharap dapat terus berbakti kepada masyarakat dengan memberikan khidmat yang terbaik. Semoga setiap langkah menuju ke arah kecemerlangan.



Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Teladan
Sekolah Rendah



Cikgu Azah Abdul Aziz
Sekolah Rendah East Spring

Pengalaman mengajar

Minat Cikgu Azah menjadi seorang guru bahasa Melayu timbul apabila melihat kegigihan dan dedikasi mantan guru, Encik Mohd Noh Daipi semasa di Maktab Rendah Tampines pada tahun 1988. Kesungguhan Encik Mohd Noh Daipi membimbing Cikgu Azah merupakan salah satu mangkin yang mendorongnya menjadi seorang guru. Cikgu Azah mula mengajar pada tahun 1992 di Sekolah Rendah Yumin. Cikgu Azah diberi cabaran mengajar murid-murid darjah 8 monolingual dengan tangan terbuka dan hati yang tenang. Pada awalnya memang terdapat banyak tentangan daripada mereka. Namun begitu, pengajaran yang santai tetapi tegas dan berdisiplin telah memberi mereka motivasi untuk lulus lalu diterima masuk ke ITE.

Setelah lulus pengajian di Universiti Malaya, Cikgu Azah meneruskan khidmat di Sekolah Rendah East Spring. Beliau mengharungi gelombang evolusi pedagogi dan strategi pengajaran yang pesat serta penggunaan teknologi terkini. Selaras dengan visi Arif Budiman bagi menghasilkan insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat, Cikgu Azah telah bekerjasama dengan guru-guru Jabatan Bahasa Melayu untuk menghasilkan buku besar yang telah digunakan sebagai bahan pengajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan yang merupakan wadah pengajaran autentik yang dihasilkan untuk menyokong pengajaran nilai-nilai murni di sekolah.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya


Pelbagai cabaran yang dihadapi seperti murid-murid yang lebih selesa berbahasa Inggeris di sekolah dan kurangnya sokongan ibu bapa di rumah. Cikgu Azah juga amat prihatin dengan tahap kefasihan murid-murid berbahasa Melayu yang menganggap Bahasa Melayu kurang menarik. Sebagai pendidik, beliau perlu sentiasa mengubah strategi pengajaran supaya dapat menarik minat murid-murid secara konsisten. Beliau yakin yang pengajaran bersumberkan ICT dapat melatih murid-murid menjadi pelajar yang boleh belajar secara sendiri. Kehadiran anak-anak celik ICT serta kemajuan teknologi yang menitikberatkan penggunaan ICT dalam pembelajaran membuatkan Cikgu Azah teruja untuk meningkatkan kemahiran ICT agar kekal relevan. Berbekalkan kemahiran ICT serta kesungguhan, Cikgu Azah menyesuaikan alat-alat ICT dalam pembelajaran dan berjaya meningkatkan minat murid-murid untuk mendalami Bahasa Melayu.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Antara detik manis Cikgu Azah adalah ketika beliau diberi kepercayaan menyelaras aktiviti-aktiviti Jabatan Bahasa Melayu. Cikgu Azah mula mempelajari cara-cara menerajui sebuah jabatan dengan berkesan. Beliau bersama guru-guru telah merancang dan melaksanakan satu program Fiesta Membaca yang bersesuaian dengan tema MOE Workplan 2015, 'Every Parent A Supportive Partner'. Ibu bapa digalakkan supaya memupuk budaya membaca bersama anak-anak. Fiesta Membaca yang julung-julung kali diadakan oleh Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah East Spring mendapat sokongan yang hangat daripada ibu bapa. Cikgu Azah juga telah diberi kepercayaan menerajui ICT Bootcamp, kerjasama sekolah dengan IDA dalam menjalankan kerja kebajikan. Kelab Media Sekolah Rendah East Spring turut terlibat untuk membimbing warga emas Kelab Masyarakat Changkat dalam penggunaan ICT.

Harapan sebagai seorang guru

Harapan Cikgu Azah sebagai seorang guru adalah untuk melestarikan bahasa Melayu ke tahap yang lebih tinggi. Cikgu Azah mahu melihat anak didiknya dan juga anak-anak bangsa mempunyai minat yang mendalam terhadap bahasa Melayu. Di mana-mana pun mereka berada, semoga dapat memartabatkan kepentingan dan menggunakan bahasa Melayu di dalam pertuturan seharian dengan penuh keyakinan. Selain cemerlang dalam bahasa Melayu, Cikgu Azah juga ingin melihat anak-anak didiknya menjadi teladan dalam mempamerkan nilai-nilai murni dan berbakti kepada masyarakat.



Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Perangsang Sekolah Menengah



Cikgu Siti Zainab Zainal
Sekolah Menengah Yusof Ishak

Pengalaman mengajar

Cikgu Siti Zainab Zainal telah bertugas sebagai guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Yusof Ishak selama 8 tahun sejurus tamat pengajian diploma di Institut Pendidikan Nasional (NIE). Berbekalkan dorongan keluarga dan keinginan untuk sentiasa mempertingkatkan diri, beliau mengikuti pengajian sarjana di NIE dan berjaya mendapat ijazahnya pada tahun 2012. Beliau telah banyak menimba ilmu daripada para pelajarnya melalui interaksi seharian dengan mereka dan pengalaman yang ditimba ini bukan sahaja mematangkan dirinya tetapi juga mengajarnya erti kesabaran. Cikgu Siti juga amat beruntung kerana mendapat banyak bimbingan, nasihat dan sokongan daripada guru-guru seperjuangan. Dedikasi, usaha dan keikhlasan mereka dalam melentur anak-anak didik merupakan inspirasi dan pembakar semangat Cikgu Siti.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Cikgu Siti akur semakin ramai pelajar kurang fasih berbahasa Melayu kerana kurang terdedah kepada bahasa dan budaya Melayu. Mereka juga kurang beminat dalam pelajaran Bahasa Melayu kerana tidak dapat melihat kerelevanannya dalam konteks kehidupan masa kini. Cikgu Siti perlu kreatif dengan mencuba pelbagai kaedah pengajaran dan pendekatan dalam pengajaran untuk menarik minat mereka. Pelajarnya mempunyai latar belakang yang berbeza. Segelintir menghadapi pelbagai cabaran di luar sekolah. Cikgu Siti sentiasa peka dan prihatin dengan situasi para pelajarnya demi membantu mereka menghadapi sosioemosi dengan memberikan nasihat, bimbingan dan motivasi yang berterusan.

Cikgu Siti sentiasa menitikberatkan keyakinan diri pelajar bahawa mereka mampu mencapai matlamat dan impian masing-masing dengan sikap rajin berusaha dan tidak mudah berputus asa; genggam bara api, biar sampai jadi arang. Cikgu Siti berpendapat bahawa tugas mendidik pelajar bukan hanya tanggungjawab guru. Ibu bapa dan guru perlu sentiasa berkomunikasi dan berganding bahu demi kecemerlangan pelajar.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Antara detik manis yang mewarnai kerjaya Cikgu Siti apabila kelas aliran Normal Teknikal yang dipimpinnya sejak dari menengah 1 hingga ke menengah 4 telah diberi peluang untuk mengikuti program darmawista dan Nilai dalam Tindakan di Bandung, Indonesia. Inilah kali pertama sebuah kelas Normal Teknikal yang terdiri daripada ramai pelajar yang berisiko, diberi peluang dan kepercayaan oleh pihak sekolah untuk mengambil bahagian dalam program pengayaan di luar negara. Program tersebut hampir dibatalkan namun perkara tersebut tidak mematahkan semangat mereka untuk meneruskan perancangan. Malahan, segala cabaran yang dilalui ternyata berbaloi. Cikgu Siti dapat memperkukuh hubungan dengan para pelajarnya, mengenali diri dan hati budi para pelajarnya dengan lebih baik lagi di luar konteks sekolah. Beliau juga dapat melihat banyak perubahan positif dalam diri para pelajarnya dari segi kemahiran berkomunikasi, bekerjasama, kepemimpinan, keyakinan diri dan sikap ambil berat terhadap orang lain. Pengalaman indah ini meneguhkan lagi pegangan beliau bahawa pelajar-pelajar aliran Normal Teknikal mempunyai banyak potensi dan mampu berjaya sama seperti pelajar-pelajar aliran lain apabila dicurahkan kasih sayang, galakan, keyakinan dan bimbingan yang mencukupi.

Harapan sebagai seorang guru

Guru memegang amanah yang berat dengan tanggungjawab memberikan didikan yang terbaik kepada pelajar. Cikgu Siti berharap usaha mempertingkatkan dirinya dapat menjadi teladan yang baik bagi para pelajar untuk membentuk diri menjadi insan yang lebih baik. Beliau mahu anak didiknya mencapai kecemerlangan dalam segala bidang yang mereka ceburi serta menambah nilai dalam kehidupan dan berbakti kepada keluarga, masyarakat dan negara.



Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Perangsang Sekolah Rendah



Cikgu Azhar Abdul Rashid
Sekolah Rendah East Coast

Pengalaman mengajar

Cikgu Azhar Abdul Rashid berkhidmat sebagai pegawai paramedik Perkhidmatan Awam Singapura selama 5 tahun sebelum bertugas sebagai guru kontrak pada 2009 di Sekolah Rendah East Coast. Selepas tamat pengajian dalam Diploma Pendidikan (Bahasa Melayu) di Institut Pendidikan Nasional (NIE) pada 2011, Cikgu Azhar kembali bertugas di Sekolah Rendah East Coast.

Pengalaman sebagai Ketua Subjek (Dalam) Bahasa Melayu, Cikgu Azhar berpeluang untuk berganding bahu bersama guru-guru untuk memperbaiki strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti-aktiviti bahasa dan budaya Melayu. Pada tahun 2016, Cikgu Azhar telah dilantik sebagai Pegawai Pembangunan Staf Sekolah (SSD). Kini, beliau dapat berinteraksi dengan lebih rapat bersama kakitangan sekolah untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menjalankan tugas dan program-program pembangunan profesional yang boleh diperkenalkan atau dihadiri.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Tugas yang penuh dengan cabaran memberi Cikgu Azhar peluang untuk sentiasa mengetahui perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Sebelum membuat perancangan pembelajaran dalam bilik darjah, Cikgu Azhar sentiasa mengambil kira keupayaan pelbagai murid serta latar belakang mereka bagi memastikan pengajaran dalam bilik darjah sentiasa menarik dan meningkatkan minat murid-murid terhadap subjek Bahasa Melayu.

Kerjaya seorang guru bukan setakat menyalurkan ilmu pengetahuan tetapi merangkumi pendidikan akhlak kepada anak-anak didik. Kerjaya guru ini merupakan satu pekerjaan yang sangat murni. Tanggungjawab untuk menggalas tugas dan cabaran yang hebat untuk mendidik, membimbing dan menunjuk ajar proses membentuk seorang manusia agar mereka dapat menjadi insan yang berguna untuk bangsa dan negara.

Segelintir murid-murid Cikgu Azhar bertanggapan yang bahasa Melayu tidak penting jika dibandingkan dengan subjek yang lain. Mereka mempunyai pemikiran bahawa bahasa Melayu tidak akan diperlukan apabila mereka mula bekerja. Perkara ini menyebabkan mereka menganggap Bahasa Melayu sebagai subjek yang payah dan membebankan. Bagi menangani perkara ini, Cikgu Azhar akan mendengar keluhan murid-murid dan akan sentiasa meluangkan masa dan menerangkan kepentingan bahasa dan budaya Melayu agar dapat menukar pemikiran mereka. Beliau juga berhubung dengan waris murid-murid untuk berbincang langkah-langkah pembelajaran Bahasa Melayu di rumah.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Pada 2015 murid-murid Darjah Enam Cikgu Azhar telah meraih gred Bahasa Melayu yang sangat membanggakan untuk Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE). Walaupun mereka kini di sekolah menengah, mereka masih berhubung dengan beliau untuk berbincang tentang bahasa Melayu. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran di sekolah menengah, mereka tidak pernah putus asa kerana mereka percaya 'Jalan Menuju Ke Kejayaan Sentiasa Dalam Pembinaan'. Cikgu Azhar bukan sahaja menyampaikan isi kandungan pembelajaran dan mempersiapkan mereka untuk menduduki peperiksaan malah sentiasa menyemai nilai-nilai hidup yang dapat digunakan oleh mereka dalam perjalanan mereka sebagai seorang murid dan kehidupan. Cikgu Azhar percaya dengan adanya hubungan akrab antara seorang guru dan murid-muridnya, pengajaran bahasa dapat disampaikan dengan lebih mudah. Secara tidak langsung murid-murid akan lebih mencintai bahasa Melayu dan berusaha dengan gigih.

Harapan sebagai seorang guru

Cikgu Azhar ingin terus menimba ilmu serta menambah pengalaman agar dapat menjalankan amanah seorang guru dengan lebih baik. Cikgu Azhar ingin menjadi seorang guru yang mempunyai penguasaan pengajaran yang terkini agar dapat menjalankan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu sesuatu yang sentiasa menarik. Dengan ilmu serta pengalaman luas, Cikgu Azhar berharap untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan guru-guru lain.



Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2016



Cikgu Kasimah Kassim
Kategori Guru Teladan
Sekolah Rendah Huamin

Cikgu Syahirah Mohamad Azib
Kategori Guru Perangsang
Sekolah Menengah Yuhua



Cikgu Nur Ashiqin Sa'at
Kategori Guru Perangsang
Sekolah Rendah CHIJ (Kellock)

Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Teladan
Sekolah Rendah



Cikgu Kasimah Kassim
Sekolah Rendah Huamin

Pengalaman mengajar

Titik kerjaya Cikgu Kasimah bermula pada tahun 2005 di Sekolah Rendah Huamin sehinggalah dilantik sebagai guru penyelaras Bahasa Melayu pada tahun 2015. Beliau bertanggungjawab memastikan rancangan kerja Jabatan Bahasa Melayu dapat meningkatkan pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu.

Cikgu Kasimah sentiasa mengikuti kursus-kursus yang dapat mempertingkatkan diri dalam pedagogi dan penilaian yang melalui pelbagai perubahan. Beliau memberikan penekanan kepada pengajaran berfokuskan pelibatan murid secara aktif seperti pembelajaran koperatif dan penilaian secara sendiri yang dapat mendorong murid supaya lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Cabaran masa kini adalah untuk menarik minat murid yang sering berfikir bahawa pembelajaran bahasa Melayu tidak relevan dalam kehidupan mereka. Cikgu Kasimah meyakinkan mereka agar menitikberatkan pendidikan untuk berjaya.


Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Detik yang paling manis sebagai seorang guru adalah semasa keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) beberapa tahun yang lalu. Salah seorang nenek kepada murid datang memeluk Cikgu Kasimah walaupun Cikgu Kasimah tidak mengajar cucunya pada tahun itu.

Dengan titisan airmata, nenek itu mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Kasimah kerana telah membantu cucunya berjaya dalam pelajarannya. Semasa murid ini di darjah 4, dia kehilangan bapa dan keputusan peperiksaannya amat mengecewakan. Walaupun Cikgu Kasimah tidak mengajarnya pada tahun seterusnya, beliau sering bertanya khabar murid itu dan neneknya.

Harapan sebagai seorang guru

Cikgu Kasimah berharap anak didiknya sentiasa berusaha untuk mencapai impian dan menjadi insan yang berbudi pekerti mulia yang berjasa kepada keluarga, masyarakat dan negara. Beliau berharap dapat terus mempertingkatkan diri dalam perkembangan pendidikan dan sentiasa mencari idea-idea baharu yang dapat menjadikan pengajaran Bahasa Melayu lebih menarik dan berkesan. Murid-murid didedahkan kepada lebih banyak sastera Melayu dan berpeluang melibatkan diri dalam acara anjuran badan-badan Melayu untuk melestarikan bahasa Melayu. Beliau berharap murid akan lebih menghargai dan mempelajari keindahan bahasa Melayu itu sendiri, agar jangan ‘Hilang bahasa, hilanglah bangsa’.



Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Perangsang Sekolah Menengah



Cikgu Syahirah Mohamad Azib
Sekolah Menengah Yuhua

Pengalaman mengajar

Cikgu Syahirah mula mengajar pada tahun 2008 sebagai guru ganti Matematik dan Fizik selama 6 bulan. Itulah pengalaman pertama beliau yang menyedari bahawa bidang perguruan ini merupakan sesuatu kerjaya yang menarik, dan memberikan kepuasan dalam sanubarinya. Cikgu Syahirah dilantik sebagai Guru Penyelaras Nilai dalam Tindakan (Values in Action) di Sekolah Menengah Yuhua pada tahun 2015. Beliau diberi kepercayaan membina modul serta kurikulum berasaskan sekolah berjudul Yuhua Care (yCare). Pengalaman ini membuka peluang beliau menjadi seorang pendidik holistik yang dapat membina pemikiran serta sahsiah positif dalam diri anak-anak didiknya.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Cabaran setiap hari ialah persoalan – adakah pengajaran hari ini dapat terus merangsang minat dan meyakinkan pelajar kerelevanan bahasa Melayu di luar konteks akademik? Beliau merancang mata pelajaran yang kreatif dan berobjektif dengan banyak langkah proaktif dan pembelajaran yang semuanya membuahkan hasil yang cemerlang, penglibatan pelajar dalam arena penulisan dan seni Melayu atau melahirkan minat menyertai kegiatan bahasa dan budaya Melayu. Itulah antara kepuasan yang terunggul bagi dirinya.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Antara kenangan manis Cikgu Syahirah adalah ketika beliau menerima anugerah 'The Caring Teachers Award 2014' yang mengiktiraf pengorbanannya serta mencerminkan pegangan Cikgu Syahirah. Beliau yakin kehadiran seorang dewasa yang menunjukkan sikap keprihatinan terhadap anak-anak muda nescaya mereka untuk mencerminkan yang terbaik dalam diri mereka. Beliau juga berjaya meyakinkan ibu bapa memberikan peluang kepada anaknya mengecapi kursus impiannya walaupun di ITE, serta membetulkan stigma tentang pendidikan ITE. Penting bagi guru untuk memastikan ibu bapa faham dan sedar akan adanya pelbagai ruang serta peluang bagi anak-anak menceburi bidang yang mereka minati. Beliau berharap semoga anak-anak didik akan menjadi pelapis bangsa yang berwawasan, disulami dengan kesantunan dan adab, serta dapat menyumbang dan menabur bakti kepada masyarakat.


Harapan sebagai seorang guru

Cikgu Syahirah berharap guru bahasa Melayu akan terus tabah dan cekal dalam meneruskan perjuangan dan amanah sebagai pendidik serta memecahkan stereotaip bahawa tugas seorang guru Bahasa Melayu hanya sekadar tertakluk pada pembelajaran Bahasa Melayu sahaja. Niat guru yang tulus dan ikhlas akan meninggalkan kesan yang positif kepada pelajar-pelajar; obor semangat seorang pendidik tidak akan terpadam. Segala pengorbanan dan penat lelah akan berbaloi akhirnya.



Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2016

Kategori Perangsang
Sekolah Rendah



Cikgu Nur Ashiqin Sa'at
Sekolah Rendah CHIJ (Kellock)

Pengalaman mengajar

Tercetusnya minat mengajar ketika Cikgu Ashiqin mula-mula terlibat dalam bidang ICT. Beliau dapat merasakan bibit-bibit kepuasan setiap kali melihat keceriaan murid-muridnya setelah berjaya menghasilkan satu seni digital. Cikgu Ashiqin juga tertarik dengan keikhlasan dan kesungguhan mantan guru Bahasa Melayu yang mendidik dengan baik dan menarik. Beliau berazam mengambil keputusan untuk melebarkan sayapnya memilih kerjaya sebagai guru Bahasa Melayu. Tahun ini, genaplah 8 tahun Cikgu Ashiqin dalam bidang perguruan.

Cabaran-cabaran yang dihadapi sepanjang kerjaya

Arus kemodenan yang semakin mementingkan bahasa Inggeris telah menyebabkan pembelajaran bahasa dan budaya Melayu semakin mencabar. Guru perlu kreatif dan inovatif dalam mencari dan mengubah suai pendekatan agar selari dengan keperluan murid. Guru juga perlu bijak dalam memupuk sikap cintakan bahasa Ibunda dalam diri murid-murid. Cikgu Ashiqin sering mempertingkatkan diri mendalami ilmu bahasa, budaya dan ilmu pendidikan agar selari dengan perkembangan semasa. Beliau percaya guru Bahasa Melayu akan dapat menghadapi segala cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran serta menjadi pakar rujuk dengan pengetahuan bahasa, budaya dan ilmu pendidikan yang mendalam.

Detik paling manis dalam kerjaya sebagai guru

Salah satu detik manis adalah ketika buat pertama kalinya Cikgu Ashiqin mengajar murid yang menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) pada tahun 2014 yang berakhir dengan keputusan cemerlang. Walaupun murid-muridnya mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza, beliau tetap tabah dan terus berusaha untuk sentiasa memberikan yang terbaik pada setiap pengajaran. Cikgu Ashiqin sering memberikan kata-kata perangsang dan memperkenalkan konsep pintu sentiasa terbuka jika mereka memerlukan pertolongan sehinggalah mereka menunjukkan minat untuk mempelajari budaya Melayu. Kejayaan bagi beliau adalah apabila murid-muridnya terus mencintai bahasa Ibunda dan berminat untuk mendalami bahasa itu.

Harapan sebagai seorang guru

Guru yang berjaya ialah guru yang melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh keikhlasan. Beliau berharap agar dapat terus menyumbang dalam bidang perguruan ini dan melahirkan murid-murid yang berjaya mencapai impian dan menyumbang semula kepada masyarakat. Cikgu Ashiqin juga berharap murid-muridnya dapat terus melestarikan penggunaan bahasa Ibunda serta budaya Melayu. Bak pepatah Melayu, takkan hilang Melayu di dunia.



Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

Arif Budiman, visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura, merupakan satu daripada saranan Jawatankuasa Penyemakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) yang ditubuhkan pada bulan Disember 2004 untuk menjalankan penyemakan yang komprehensif tentang pengajaran, pembelajaran dan penilaian Bahasa Melayu.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan bahasa Melayu.

Takrif 'Arif Budiman'

'Arif Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

Gelar dan Jenis Gelaran

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan setiap tahun, iaitu:

Anugerah Guru Arif Budiman	Teladan (Sekolah Rendah)
Anugerah Guru Arif Budiman	Perangsang (Sekolah Menengah)
Anugerah Guru Arif Budiman	Teladan (Sekolah Menengah/ Maktab Rendah)
Anugerah Guru Arif Budiman	Perangsang (Sekolah Menengah/ Maktab Rendah)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun.

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.





10 Tahun AGAB Pemenang

**AGAB
2007 – 2015**

2007



Guru Teladan

Cikgu Ishak Abdul Latiff
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Almarhum Cikgu Mohd Naim Daipi
(Sekolah Rendah)

Guru Perangsang

Cikgu Nur Ashikin Sapri
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Elmi Zulkarnain Osman
(Sekolah Rendah)

Guru Teladan

Cikgu Abdul Malek Ahmad
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Sazali Sahri
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Mohd Khir Sapuan
(Sekolah Rendah)

Guru Perangsang


Cikgu Salina Hussin
(Sekolah Rendah)



2008

Penerima AGAB 2009

2009



Guru Teladan

Cikgu Noraishah Mostapa
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Haryati Surana
(Sekolah Rendah)



Guru Perangsang

Cikgu Halimatussa'adiah Jaffar
(Sekolah Rendah)

Cikgu Azyanti Mohamed Mudakir
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Guru Teladan

Cikgu Hafsa Mohd Kassim
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Haniza Abdul Manan
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Nurisham Ismail
(Sekolah Rendah)

Cikgu Norashikin Abdul Hamid
(Sekolah Rendah)



Guru Perangsang

Cikgu Muliana Mohammxad
(Sekolah Rendah)

2010

Penerima AGAB 2010



2011



Guru Teladan

Cikgu Salha Mohamed Hussain
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)



Cikgu Ariyanti Sukaimi
(Sekolah Rendah)

Guru Perangsang

Cikgu Farizan Md Amin
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)



2012



Guru Teladan

Cikgu Muslim Hanafiah
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Supandi Djoeraemi
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Safidah Samsudin
(Sekolah Rendah)

Guru Perangsang

Cikgu Massuniza Ismail
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

2013

Penerima AGAB 2013



Guru Teladan

Cikgu Effendy Ahmadi
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Rasidah Mohd Rasit
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Rashidah Rajah
(Sekolah Rendah)

Cikgu Norwati Sulaiman
(Sekolah Rendah)

Guru Perangsang

Cikgu Nazarudin Abdul Bakar
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Muhammad Irwan Jamal
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Guru Teladan

Cikgu Yahida Yahya
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Ridzuan Abraham
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Azizah Shaik Abdul Kadir
(Sekolah Rendah)

Cikgu Zaleha Ahmad
(Sekolah Rendah)

Guru Perangsang

Cikgu Nuraina Mohamed Sin
(Sekolah Rendah)

Cikgu Nurbayah Ismail
(Sekolah Rendah)



2014

Penerima AGAB 2014



2015

Guru Teladan

Cikgu Norazlina Abdul Manan
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Nurisha Hamid
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Guru Perangsang

Cikgu Nur' Abidah Abdul Rahman
(Sekolah Menengah/Maktab Rendah)

Cikgu Marlina Mohd Rashid
(Sekolah Rendah)

2016

Pesan Pendeta

(Karya penghormatan buat Almarhum Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad)

Pada suatu waktu petang
Ketika bumbung dapur rumahmu dipalu rintik hujan
Kau teringat akan ucapan almarhum gurumu

Tahun 1949 di Maktab Perguruan Sultan Idris
Kepada para guru pelatih yang baru lulus
Cikgu Abdullah Abdul Rahman berseru
 Beluru – buah beluru,
 Kedangsa – buah kedangsa;
Bukan mudah jadi guru:
 Matahari kampung penyuluh bangsa!

Beza sekali antara guru dan cikgu, hujahmu
Cikgu sekadar gelar kepada guru yang cari makan mengajar, ulasmu
Guru pula ialah kerjaya berbudi bersalut pekerti luhur seumur hidup tanpa bersara -
Begitulah dambaan, ceramah dan doamu
Maka itu, kau menabur tiga suku usiamu pada setiap gerakan bahasa, budaya dan agama
serta kerukunan negara

Berdering telefon rumahmu
dan bersambung telefon bimbitmu
Kau santun meladeni apa jua pertanyaan

Ada yang berkunjung ke rumahmu
demi menimba ilmu
untuk lulus periksa atau menyandang gelar
sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah
walaupun berkali kau nyatakan dirimu sekadar guru sahaja

Ada yang meminjam buku, gambar dan makalahmu
Sebahagiannya dipulangkan
Tapi sebahagian lagi 'hilang' tanpa bekas dan bicara
Dan ada yang menggunakan mesin fotostatmu percuma
Tak mengapalah, katamu, dihalalkan saja

Ketika usia meragut kekuatanmu
Perjalananmu kini di penghujungan
Kau masih menggagahi diri walaupun diiringi ambulans ke sana ke mari
dan bertemu dengan anak-anak muda
untuk berkongsi impian dan perutusan

“Saya bukan kaya harta”, pesanmu, “Yang saya dambakan
ilmu yang diwariskan ini dikaji dan semoga menjadi bekal saya
di depan pengadilan Ilahi.”
Tapi kau tinggalkan juga sedikit habuan bak benih
Maka terbentuklah sebuah dana universiti atas namamu

Masyarakat pun disurati untuk menderma
Dana itu bukan untuk dirimu tetapi untuk guru dan
ilmuwan serta generasi hari muka

Segelintir saja yang tampil menghulur dengan rela
Kau hairan seraya bertanya: beginikah orang tua ini sudah dilupa?
Sedang matamu berkaca melihat dinding rumahmu
tertayang pelbagai anugerah yang kau terima dari jasawan, doktor falsafah hingga pendeta

Ketika rintik hujan gugur di bumbung dapurmu
Pesananmu masih temgiang-ngiang
walau jasad kerdilmu sudah mendakap bumi
Bahawa ada guru antara pemimpin agung dunia
Muhammadlah yang teragung, katamu
dan tentulah sebagai seorang guru
kau redha menjadi umatnya.

MOHD RAMAN DAUD
13 Zulhijah 1437/15 Sep 2016

Menjunjung Budi

Sekalung budi kami ucapkan kepada panel penilai peringkat akhir

Encik Zainul Abidin Rasheed
Duta Khas Kementerian Ehwat Luar ke Timur Tengah dan
Duta Besar Singapura ke Kuwait

Puan Rahayu Mahzam
Anggota Parlimen (GRC Jurong)
Ahli, Majlis Bahasa Melayu, Singapura (MBMS)

Encik Yahya Aljaru
Pegawai Kanan (Bersara)
Kementerian Pendidikan (MOE)

Dr Sa'eda Buang
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang (NTU)

Profesor Madya Dr Lim Beng Soon
Ketua Program Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
Universiti Institut Pengurusan Singapura (UniSIM)

Encik Rosebi Haji Mohd Sah
Editor Berita, Berita Harian

Puan Isadhora Mohamed
Pengurus Kanan Komunikasi/Akademi
SSA Consulting Group Pte Ltd

Encik Arzami Salim
Yang Dipertua
Kesatuan Guru Melayu Singapura (KGMS)

Menjunjung Budi

Sekalung budi juga kami ucapkan kepada panel penilai peringkat saringan.

Dr Mohd Aidil Subhan Md Sulor

Pensyarah

Institut Pendidikan Nasional (NIE), Universiti Teknologi Nanyang (NTU)

Dr Suryani Atan

Pakar Kanan

Bahagian Teknologi Pendidikan

Kementerian Pendidikan, MOE

Encik Mohd Azhar Terimo

Pengetua

Sekolah Menengah Bartley

Puan Noorismawaty Ismail

Pengetua

Sekolah Rendah Huamin

Encik Rahmat Subadah

Guru Pakar

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Encik Muhammad Rafi Abu Bakar

Guru Pakar

Pusat Bahasa Melayu Singapura

Encik Wan Imran Mohd Woojdy

Presiden

Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM)

Encik Rohan Nizam Basheer

Naib Yang Dipertua

Kesatuan Guru Melayu Singapura (KGMS)

Menjunjung Budi

Jawatankuasa penganjur AGAB 2016 mengucapkan terima kasih kepada individu dan pertubuhan yang berikut:

Ilham dan Karya Tembikar AGAB 2016

Cikgu Siti Nurhizah Mohamed Hassan (Sekolah Menengah Kuo Chuan Presbyterian)

Penyumbang Karya

Encik Mohd Raman Daud (BH)

Pengacara Majlis AGAB 2016

- Cikgu Marliana Mohd Rashid (Penerima AGAB 2015)
- Cikgu Azyanti Md Mudakir (Penerima AGAB 2009)
- Encik AB Shaikh (Radio Warna, MediaCorp)

Persembahan dalam Majlis AGAB 2016

- Murid-murid Sekolah Rendah West View
- Cikgu Haryati Surana (Penerima AGAB 2009)
- Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Bedok Green
- Cikgu Nur'Abidah Abdul Rahman (Penerima AGAB 2015)
- Cikgu Abdul Hakim Mohd Udori (Sekolah Kheng Cheng)
- Orkestra Sri Temasek

Watikah, Sajak dan Pembikinan Video

- Cikgu Noraishah Mostapa (Penerima AGAB 2009)
- Cikgu Sazali Sahri (Penerima AGAB 2008)
- Cikgu Ridzuan Abraham (Penerima AGAB 2014)
- Cikgu Safidah Samsudin (Penerima AGAB 2012)
- Cikgu Ishak Abdul Latiff (Penerima AGAB 2007)
- Cikgu Nurisha Hamid (Penerima AGAB 2015)
- Cikgu Muslim Hanafiah (Penerima AGAB 2012)
- Cikgu Daud Haji Jalil (Guru Pesara)

Penyambut Tamu Majlis dan Tenaga Kerja

- Cikgu Massuniza Ismail (Penerima AGAB 2012)
- Cikgu Murshidah Hassan (CPDD, MOE)
- Cikgu Mohd Saddiq Mohd Salleh (CPDD, MOE)
- Cikgu Zalinah Hassan (CPDD, MOE)
- Cik Ong Yi Jie Paulynn (CPDD, MOE)

